



**HARUN (empat kiri) bersama pegawai utama UMS dan ahli senat menghadiri Majlis Makan Malam UMS-KAL 2012 di Hotel Waterfront.**

UB 14/10/2012 AB

## *Naib Canselor UMS hadiri Majlis Makan Malam UMS-KAL*

LABUAN: Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah telah menghadiri Majlis Makan Malam UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) di Hotel Waterfront, malam kelmarin.

Majlis makan malam itu diadakan sempena Majlis Konvokesyen UMS kali ke-14 2012 peringkat UMS Kampus Antarabangsa Labuan.

Turut hadir Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omang

(Akademik dan Antarabangsa) dan Prof Dr Shahril Yusoff (Penyelidikan dan Inovasi), Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari, Rizal Othman dan Ketua Pustakawan, Dg Rukiah Amit.

Dalam ucapannya, Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Naib Canselor dan pegawai utama UMS kerana sentiasa menyokong usaha membangunkan UMS-KAL.

Katanya, sejak kewujudan UMS-KAL pada 1999, kampus

UMS itu terus membangun dengan pesatnya demi kebaikan pelajar dan kakitangan.

Malah beliau berkata, kewujudan UMS-KAL turut membantu menjana ekonomi penduduk tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan dan industri pelancongan tempatan.

Ismail berharap warga UMS-KAL akan terus komited terhadap tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan untuk meningkatkan imej universiti sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.